

## **Meningkatkan Minat Asas Jahitan Pakaian Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Melalui Penglibatan Komuniti**

Rahifah binti Mohd Tejeri

Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Tuah, Melaka  
*rahifah\_1981@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) Asas Jahitan merupakan salah satu kurikulum KSSM Pendidikan Khas yang dirancang bagi menyediakan murid dengan kemahiran tertentu secara berfokus dan optimum sebelum ke alam kerjaya. Bidang kemahiran jahitan lazimnya kurang menyerlah dan diminati dalam kalangan murid berkeperluan khas. Kolaborasi program jahitan dengan melibatkan badan komuniti luar secara konsisten merupakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan bagi membantu murid KVS Asas Jahitan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan kemahiran jahitan murid yang sering mendapat permintaan yang sangat tinggi di sekitar komuniti, negara mahupun pasaran dunia masa kini. Selain itu, program kolaborasi ini juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid berkeperluan khas dalam bidang jahitan serta memberi pendedahan pengetahuan tentang murid berkeperluan khas kepada masyarakat. Menerusi amalan baik ini, terdapat beberapa aspek yang dapat dihasilkan dari program ini seperti peningkatan kecenderungan minat murid belajar dalam bidang jahitan, kemahiran jahitan murid bertambah dan membina hubungan sosial yang positif dalam kalangan komuniti. Program kolaborasi jahitan bersama komuniti masyarakat yang dilaksanakan ini merupakan satu nilai tambah pada tahap pencapaian dan penguasaan murid berkeperluan khas KVS Asas Jahitan. Diharapkan amalan terbaik ini dapat membantu murid dan guru untuk mengembangkan bakat dan kemahiran dalam jahitan serta memenuhi permintaan negara sebagai tenaga kerja yang berkemahiran.

**Kata kunci:** kemahiran asas jahitan, komuniti masyarakat, murid berkeperluan khas

---

### **Pengenalan Amalan Terbaik**

Jahitan merupakan salah satu kemahiran yang sangat luas dan penting dalam kehidupan manusia masa kini. Permintaan yang tinggi di pasaran tempatan mahupun luar negara terutamanya dari seluruh dunia menjadi salah satu penyumbang sumber ekonomi bagi sebuah negara. Tenaga kerja yang mahir dan berbakat sentiasa menjadi rebutan dalam kalangan pengusaha bidang jahitan samaada kecil-kecilan mahupun syarikat besar dunia. Penguasaan kemahiran yang optimum merupakan salah satu kriteria yang sangat diperlukan malah menjadi batu loncatan bagi seseorang individu dalam mendapatkan peluang pekerjaan pada masa kini.

Namun begitu, ramai yang berpendapat bahawa bidang jahitan lebih sinonim dengan kaum wanita sahaja. Persepsi yang salah ini juga terpalit sama kepada murid berkeperluan khas. Ramai murid lelaki berkeperluan khas malu untuk mengikuti kemahiran jahitan di sekolah kerana merasakan bahawa bidang jahitan tidak sesuai dan memberi impak yang negatif pada masa depan mereka. Mereka merasakan bidang ini tidak memberi peluang yang cerah dan sukar menjana pendapatan. Manakala murid perempuan pula merasakan bidang ini tidak popular seperti bidang kemahiran yang lain dan sukar untuk menguasai jahitan dengan mudah. Rentetan dari sikap negatif ini maka ramai murid tidak meminati bidang jahitan dan enggan mengikuti pelajaran yang berkaitan dengan jahitan di sekolah. Dalam pemilihan kursus, faktor minat merupakan aspek yang penting agar semangat dan kesungguhan pelajar mengikuti sesuatu kursus itu terus meningkat. Tanpa minat pelajar sukar untuk mencapai kejayaan dalam bidang atau kursus yang diikuti. Minat yang mendalam terhadap sesuatu kursus akan menjadi perangsang kepada pelajar untuk melakukan yang terbaik bagi mencapai kejayaan (Asnul Dahir & Siti Azizah, 2011).

Stigma tentang dunia jahitan yang tidak ada masa depan adalah salah sama sekali dan agak ketinggalan zaman. Ini kerana sektor pembuatan pakaian mahupun produk jahitan kreatif sudah banyak dimonopoli oleh kedua-dua jantina. Kemahiran jahitan kini sudah menjadi suatu kerjaya yang profesional kerana dapat menjana pendapatan yang sangat tinggi sama ada dijalankan dari rumah, kaki lima kedai, ruang kecil di sesuatu bangunan pejabat mahupun industri besar seperti kilang dan sebagainya. Menjahit sebenarnya boleh dikelolakan secara individu mahupun kumpulan besar secara sepenuh masa ataupun sekadar hobi menerusi jahitan pukal atau sebaliknya.

Oleh sebab itu, minat dan kemahiran dalam bidang jahitan hendaklah dipupuk sejak dari awal. Secara tidak langsung ia dapat membuka minda banyak pihak tentang kepentingan dan keperluan bidang jahitan sebagai salah satu pekerjaan yang dapat menjana ekonomi keluarga dan negara. Latihan praktikal yang maksima di dalam pembelajaran TVET dapat menambahkan lagi kemahiran pelajar bukan sahaja di dalam bidang yang mereka ambil bahkan diterapkan dengan pendedahan terhadap pelbagai jenis aktiviti keusahawanan yang bersesuaian (Norulaini & Nazlina, 2019).

Maka guru harus mencari alternatif bagi menarik minat murid berkeperluan khas dalam bidang jahitan dan dalam masa yang sama meningkatkan kemahiran jahitan agar lebih mahir dan cekap. Menurut Kama (2019), latihan kemahiran berasaskan vokasional penting diberi penekanan bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) dalam kurikulum di sekolah terutama di PPKI sekolah menengah supaya mereka menjadi modal insan yang berkemahiran dan berdikari serta boleh menyumbang dalam pembangunan negara. Oleh kerana itu, sudah pasti dengan latihan kemahiran jahitan yang berterusan dan konsisten, murid berkeperluan khas yang menjadi pekerja separa mahir akan berubah menjadi pekerja yang mahir dan mendapat permintaan yang tinggi dari majikan. Ramai majikan dan pengusaha dalam bidang jahitan pakaian tidak putus-putus mencari pekerja untuk menjahit produk jahitan pukal mereka terutamanya menjelang musim perayaan atau majlis keraian tertentu. Kemahiran jahitan ini sememangnya bukan kemahiran yang bermusim tetapi keperluan sepanjang zaman. Di kala seluruh dunia dilanda wabak COVID 19 yang serius, bidang jahitan sentiasa mendapat permintaan yang sangat tinggi dalam penghasilan Peralatan Perlindungan Diri (PPE). Individu yang boleh menjahit dicari

dan diminta untuk membantu menyediakan kelengkapan untuk kumpulan barisan hadapan bertugas dan berhadapan dengan pesakit. Apabila berhadapan dengan situasi sebegini maka kemahiran jahitan menjadi suatu kepentingan dalam kehidupan.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan unik terutamanya kepada murid berkeperluan khas. Berdasarkan pemerhatian, setiap kali guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KVS Asas Jahitan, murid sering kelihatan kurang bermotivasi dan tidak seronok sepanjang proses pembelajaran berlangsung. Kajian Norfarahzatul Asikin et al. (2022), sikap, minat dan motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keciciran di sekolah. Sikap pelajar yang tidak mahu majukan diri dan tidak endahkan tentang kepentingan pendidikan akan mengganggu proses pembelajaran dan seterusnya akan mengakibatkan berlakunya keciciran dalam pelajaran. Hal ini dipersetujui oleh kajian yang telah dibuat oleh Rahimah Jamaluddin et al. (2021) iaitu proses pembelajaran akan terganggu jika murid tidak bersedia dan berada dalam mood yang tidak baik sebelum memulakan kelas.

Hampir kebanyakan murid, mereka selalu tidak hadir ke sekolah dan ada sesetengahnya yang ponteng kelas pada satu-satu masa apabila matapelajaran KVS Asas Jahitan berlangsung. Bermula dengan kumpulan kecil yang bermasalah, ianya secara tidak langsung akan memberi pengaruh yang besar kepada kumpulan murid lain. Projek jahitan pakaian yang ditugaskan kepada mereka juga lazimnya memakan masa yang lama dan tidak dapat selesai mengikut satu tempoh masa yang telah ditetapkan guru. Masalah disiplin juga meningkat dari semasa ke semasa tanpa guru sedari. Sesungguhnya remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan faktor-faktor negatif. Maka kerena murid yang pelbagai ini memerlukan guru untuk sentiasa bijak menangani masalah. Menurut Siti Rubiyani et al. (2020), bagi pelajar yang mengalami masalah pembelajaran, guru-guru perlu memahami potensi, kemampuan, identifikasi kelemahan yang dialami oleh pelajar menggunakan pendekatan, strategi, metode, dan teknik tertentu bagi menarik minat pelajar.

Rentetan itulah sedikit sebanyak ia secara tidak sedar memberi kesan kepada guru yang mengajar jahitan. Bagi guru klien utamanya sudah tentu murid yang mengikuti kelas kemahiran vokasional jahitan. Jika guru seringkali tidak mendapat respon yang baik serta suasana belajar sentiasa hambar dan tertekan maka guru turut pasti kurang bersemangat mengajar. Akibatnya lama kelamaan tanpa disedari guru berkenaan akan mengalami sindrom “burnout” seperti keletihan melampau, bersikap keterlaluan, mengalami kebosanan, depresi, stres, bersikap tidak peduli dan berasa kecewa. Menurut kajian Siti Azira Jose et al. (2021), faktor persekitaran tempat kerja mencatatkan frekuensi yang tertinggi iaitu antara salah satu subsektornya ialah pelajar turut menjadi pencetus kepada sindrom burnout. Sebagai seorang yang professional, guru perlu berani membuat perubahan dan mencari penyelesian segera dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan penyampaian ilmu agar murid terus minat belajar dan seronok mengikuti pembelajaran di sekolah terutamanya bidang kemahiran jahitan yang dihadapi pengkaji.

Sokongan persekitaran dengan suasana yang berbeza dari kelaziman akan membuatkan murid berasa teruja dan mempunyai perasaan ingin tahu dari semasa ke semasa. Pendedahan murid pada dunia luar dapat membentuk karakter sebenar mereka dengan masyarakat. Pengaruh sosial yang positif akan membantu mereka

lebih berani apabila berada di alam kerjaya dan diterima oleh ahli masyarakat sedikit demi sedikit. Hubungan sekolah dan komuniti akan mendatangkan kebaikan dari pelbagai aspek dan seterusnya memberi impak besar kepada semua pihak. Contohnya masyarakat mula mengetahui bakat dan kebolehan anak-anak berkeperluan khas, peranan sekolah membentuk masa depan anak-anak, peluang pekerjaan dalam kalangan komuniti setempat, penerimaan masyarakat terhadap anak-anak berkeperluan khas dan sebagainya. Sekolah juga dapat menjalinkan hubungan yang lebih dekat dengan komuniti dan mudah untuk membina jalinan dalam beberapa perkara jika perlu. Ini dibuktikan dengan kajian yang ditulis oleh Halimah et al. (2017), iaitu pengaruh elemen kemanusiaan yang dijalin secara positif melalui penglibatan ibu bapa, komuniti, agensi luar dan masyarakat global merupakan agen sosialisasi yang mampu menjana modal insan yang berkualiti dan secara tidak langsung, turut memperkasakan sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan yang unggul.

## **Objektif Pelaksanaan**


Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Meningkatkan minat murid belajar dalam bidang kemahiran jahitan
2. Murid boleh menjahit beberapa jenis pakaian wanita
3. Mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan komuniti tentang keupayaan murid berkeperluan khas di bidang jahitan.

## **Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**


Persekutuan memainkan peranan dalam pembangunan dan pembentukan diri seseorang individu dalam kehidupannya. Teori Ekologi Manusia oleh Urie Brofenbrenner (1979) membuktikan dengan jelas bahawa sokongan sosial sangat berkait rapat dengan perubahan seseorang bermula dengan mikrosistem, mesosistem, ekosistem dan makrosistem iaitu perkaitan antara konteks hubungan individu dengan ibu bapa, rakan, jiran, sekolah, persekitaran seterusnya hingga ke peringkat yang lebih luas yang membentuk sikap, budaya dan ideologi seseorang manusia. Pengaruh persekitaran yang positif seperti rakan-rakan yang positif, suasana yang tenang, dihidupkan dengan aktiviti yang positif akan mempengaruhi emosi dan tindakan pelajar (Sh. Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, 2022). Oleh itu, amalan terbaik ini juga memberi penekanan bahawa faktor persekitaran sangat penting dan memberi banyak impak kepada murid berkeperluan khas dalam jahitan. Komuniti di sekeliling murid yang belajar jahitan ini akan membantu menambahkan minat dan menjadi perangsang kepada pembentukan individu. Komunikasi dua hala secara langsung mahupun tidak langsung antara murid berkeperluan khas dengan masyarakat sebenar akan mewujudkan emosi positif dan rasa diterima kehadiran mereka di situ. Suasana belajar yang baru seperti kelazimannya di sekolah serta dibantu tenaga pengajar yang berbeza akan memberi rangsangan kepada murid untuk minat belajar dan menerokai ilmu kemahiran baru. Kaedah pengajaran guru juga dipermudahkan dan lebih memfokuskan pada sesuatu produk mengikut tahap penguasaannya secara ansur maju.

**Rajah 1**  
*Teori Ekologi Manusia (Urie Brofenbrenner, 1979)*



Terdapat beberapa langkah diambil demi melihat keberhasilan amalan baik ini. Sesuatu program yang melibatkan ramai pihak terutamanya pihak luar lazimnya memakan masa dan harus sentiasa bersedia dengan beberapa perkara yang di luar jangka. Keputusan yang baik akan terhasil dengan adanya beberapa penekanan penting sebelum mencapai objektif akhir. Oleh itu, pendekatan yang digunakan sebagai amalan terbaik guru adalah berkait rapat dengan teori berkenaan yang melibatkan semua pihak dalam persekitaran murid. Beberapa proses penelitian dan rujukan dari beberapa sumber telah dibuat bagi memastikan setiap intervensi memberi kesan kepada murid, guru, sekolah dan komuniti.

**Rajah 2**  
*Proses Amalan Terbaik Guru*



**Jadual 1**  
*Proses Kerja Amalan Terbaik Guru*

Fasa	Aktiviti
<b>Perancangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Isu dan masalah yang dihadapi murid diteliti sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas jahitan serta apakah masalah yang paling utama perlu diselesaikan segera.</li></ul>
<b>Persediaan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengkaji mencari penyelesaian dan mendapatkan maklumat lengkap dengan beberapa individu, tenaga pengajar, penyelaras pusat latihan kemahiran jahitan dan komuniti sekitar yang dapat membantu murid berkeperluan khas dalam bidang jahitan.</li><li>Lawatan ke lokasi yang berkaitan kemahiran jahitan dijalankan untuk melihat perlaksanaan dan mencari idea dalam pengajaran dan pembelajaran murid serta memikirkan kaedah yang sesuai untuk membantu murid dalam jahitan.</li><li>Satu kertas kerja dibina dengan merancang proses kerja yang lebih terperinci sehingga satu tempoh yang persetujui bersama oleh semua pihak.</li></ul>
<b>Pelaksanaan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Guru menyenarai pendek aktiviti yang ingin dicapai secara berfokus dalam kelas jahitan bersama Pusat Latihan Kemahiran Komuniti KEMAS.</li><li>Aktiviti dirancang dan dilaksanakan setiap minggu</li></ul>

sepanjang tempoh 6 bulan.

<b>Pemantauan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Hasil dan aktiviti murid direkodkan dari semasa ke semasa.</li></ul>
<b>Pengayaan/ pengukuhan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Guru akan memantau pencapaian dan perkembangan murid melalui kehadiran dan hasil kerja murid yang berjaya disiapkan. Pemerhatian akan dilakukan sepanjang masa meliputi pelbagai aspek.</li></ul>
<b>Keberhasilan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Murid terlibat dengan aktiviti luar bersama komuniti dan orang perseorangan dengan melakukan beberapa aktiviti seperti menjahit T-shirt, penyelengaraan mesin dan sebagainya.</li></ul>
<b>Refleksi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Murid menghasilkan produk jahitan dengan bimbingan dan menunjukkan emosi yang positif serta peningkatan kehadiran murid ke sekolah adalah lebih baik.</li><li>Rekod penilaian dan laporan dokumentasi dilaksanakan sepanjang program berjalan. Penilaian program dibuat untuk menambahbaik lagi pelaksanaan di masa akan datang supaya ianya dapat membantu murid jahitan dari semasa ke semasa.</li></ul>

## Kaedah Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

### 1. Kepelbagaian Tenaga Pengajar Kemahiran

Elemen kepelbagaian dalam pengajaran guru kemahiran sangat penting bagi merangsang minat murid jahitan. Guru yang berbeza turut mempunyai kaedah pengajaran yang berbeza. Maka tahap penerimaan murid juga akan bertambah dari semasa ke semasa apabila menerima pelbagai sumber iaitu guru yang berlainan tetapi masih dalam kemahiran yang sama. Cara penyampaian setiap guru juga tidak sama dan ini merupakan salah satu faktor yang membantu tahap penerimaan seseorang.

Pengajaran dan pembelajaran koperatif serta kolaboratif antara guru dan murid atau guru dan guru memberi banyak manfaat bersama. Gabungan kerjasama guru jemputan dari agensi luar seperti Kelas Kemahiran Komuniti Jahitan KEMAS mahupun mana-mana individu yang bertauliah dan berpengalaman bersama dengan guru kemahiran yang sedia ada di sekolah berperanan untuk menyampaikan ilmu kemahiran secara berkala mengikut tempoh yang telah dipersetujui bersama. Pembelajaran secara berfokus mengikut modul yang dirancang dengan kaedah yang paling ringkas dan mudah tetapi mencukupi akan membuatkan murid cepat menghasilkan produk akhir jahitan. Pemilihan guru yang terlatih, diiktiraf dan sangat berpengalaman dalam bidang jahitan menjadi penanda aras dalam membantu murid jahitan berkeperluan khas. Murid dilihat lebih bersemangat dan teruja apabila ada gabungan beberapa tenaga pengajar pada satu-satu ketika. Murid akan dapat dibantu dan dibimbing segera jika menghadapi masalah semasa aktiviti amali jahitan berlangsung. Penyelesaian segera akan dapat mengelak murid dari kebosanan dan lebih teruja untuk meneruskan amali jahitan yang sedang cuba diselesaikan mereka.

**Gambar 1**  
*Guru Jahitan Dari Komuniti yang Diiktiraf Sijil Kemahirannya*



**Gambar 2**  
*Kelas Penyelenggaraan Mesin Jahit Dari Individu Luar*



## 2. Pembelajaran Kemahiran Jahitan Secara Berfokus

Pembelajaran tentang kemahiran jahitan murid disusun atur berpandukan modul Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1 secara ansur maju dari penghasilan projek yang mudah ke susah. Setiap produk yang dihasilkan adalah mengikut ukuran badan murid sendiri yang mana di akhir penghasilan produk mereka akan wajib mengacu padan pakaian yang dijahit mereka sendiri. Ini bertujuan untuk menambah keseronokan dalam jahitan dan keterujaan menjahit baju sendiri yang boleh dipakai. Setiap corak fabrik yang digunakan oleh murid adalah berbeza dan mereka bebas membuat pilihan corak fabrik yang akan ada. Produk yang siap dihasilkan akan diberikan sijil penyertaan oleh pihak yang terlibat.

**Gambar 3**  
*Murid Mengacu Pakaian yang Dijahit Sendiri*



Jadual 2  
*Rekod Pencapaian Pelajar Asas Jahitan – Modul SKM Tahap 1*

<b>Code Program</b>	<b>TA-011-1:2012</b>									
<b>Sub Sector</b>	Textile And Apparel (Apparel Manufacturing)									
<b>Job Area</b>	Ladies Dressmaking (Custom Made)									
<b>Competency Unit Title</b>	Pembuatan Pakaian Wanita (Casual Wear Making)									

Nama Pelajar	CoCU1			CoCU2			CoCU3		CoCU4		CoCU5	Lain-lain Tambahan Produk	Jumlah Produk Selesai						
	Pakaian Kasual	Blaus	Skirt 6 panel	Seluar Sleek	Baju Kurung	Baju Kebaya	Cheongsam	Sari	zippo	Gaun Malam	Pijama	Blaus, Skirt Pamis	Gaun	Pijama	Maxi longgar	Seluar Hamil	Seluar getah	Tshirt	
Bavani	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	9
Adib	✓	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	10
Safuan	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✓	7
Shah Fitri	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✓	7
Nooradli	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	9
Waheeda	✓	✓	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✓	7

### **3. Aktiviti Bersama Komuniti Masyarakat Sekitar**

Penglibatan aktiviti jahitan antara murid berkeperluan khas dengan komuniti di dalam dan luar bilik darjah telah membuka mata banyak pihak tentang kebolehan, bakat dan keupayaan murid berkeperluan khas di sekitar komuniti mereka. Program kolaborasi ini memberi peluang masyarakat bergaul dengan murid berkeperluan khas dan saling belajar dan membantu semasa menjahit.

**Gambar 4**  
*Kelas Jahitan Bersama Komuniti*



Murid berkeperluan khas dibawa ke tempat latihan kemahiran komuniti jahitan yang sebenar serta melaksanakan aktiviti jahitan bersama masyarakat. Dengan ini secara tidak langsung murid akan merasai sendiri suasana pembelajaran yang disediakan oleh komuniti luar dan memberi peluang masyarakat memahami keadaan sebenar murid berkeperluan khas. Melalui penglibatan sosial antara dua pihak ini, ramai yang mula menerima dan mempunyai kesedaran tentang bakat kebolehan anak-anak berkeperluan khas dalam bidang jahitan. Malah setelah beberapa kali kelas jahitan dijalankan di Pusat Latihan Kemahiran Komuniti KEMAS, ada pelajar berkeperluan khas yang sudah berani mengikuti kelas jahitan sendiri tanpa kehadiran guru bersama. Ini menunjukkan bahawa pelajar sudah yakin membuat pilihan dan keputusan sendiri dengan perbincangan bersama ibu bapa dan penjaga mereka. Kepercayaan ini sangat penting untuk majikan yang sedang mencari pekerja dan membuka peluang pekerjaan kepada golongan berkeperluan khas. Keyakinan diri murid juga akan terbentuk secara langsung melalui penglibatan sebegini.

### **4. Kepelbagaiannya Produk dan Kemahiran Jahitan**

Walaupun memfokuskan pada modul jahitan yang berkaitan dengan pembuatan pakaian wanita dalam Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1, murid juga diberi pendedahan dan peluang menjahit pelbagai produk jahitan pakaian dan produk jahitan kreatif. Ini bertujuan untuk menjana idea murid dan mengelakkan mereka bosan dengan jenis pakaian yang sama. Kelas akan diselang-selikan dengan jahitan kreatif atau kemahiran jahitan yang berkaitan dan penting untuk murid seperti penyelenggaraan dan sebagainya. Kemahiran seni jahitan kreatif mampu mendekatkan individu dengan bidang keusahawanan. Penghasilan pelbagai produk inovasi jahitan yang unik dan berkualiti berpotensi bukan saja untuk pasaran tempatan tetapi diyakini mampu dikomersilkan ke pasaran antarabangsa (Berita Harian, 2018). Cara ini dapat menaikkan semangat dan minat murid dalam jahitan.

## Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, program kolaborasi jahitan murid berkeperluan khas bersama komuniti ini berjaya menjadi amalan terbaik guru dan banyak membantu dalam meningkatkan minat dan kemahiran jahitan murid melalui keseluruhan data dan hasil dapatan yang telah dipersembahkan. Kaedah pengajaran secara koperatif dan kolaboratif perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi membantu murid yang lemah di dalam kemahiran jahitan. Kajian oleh Azizah Binti Asar dan Prof. Madya Dr Halizah Awang (2018) membuktikan bahawa kaedah pembelajaran koperatif dalam menjahit jahitan asas berupaya menunjukkan perkembangan yang positif dari segi penglibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pendedahan murid pada dunia luar bersama komuniti sangat bagus dipraktikkan bagi membina keyakinan diri dan karekter murid terutamanya apabila melibatkan kemahiran jahitan. Aktiviti sosial bersama komuniti mewujudkan kemahiran komunikasi melalui interaksi dan tindak balas sosial melalui aktiviti berkumpulan membentuk pelajar menjadi modal insan yang berkualiti bagi mengisi keperluan pekerjaan (Mohd Ghadafi, Noor Farris Aqmal & Nur Asikin, 2021). Aktiviti yang berfokus secara berkala dengan guru yang berkemahiran menambahkan lagi minat dan merangsang murid untuk terus menghasilkan produk. Kepelbagaiannya aktiviti dan teknik mengajar dari guru yang berbeza akan mengurangkan kebosanan murid belajar jahitan dari semasa ke semasa. Sesungguhnya persekitaran belajar dan kaedah mengajar seseorang guru sangat penting kepada peningkatan hasil murid di tahap akhir. Hasilan ini dapat memantapkan lagi minat murid dalam bidang kemahiran jahitan yang sering dianggap susah dan membosankan.

## Rujukan

- Asnul Dahaar Minghat., & Siti Azizah Disun. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan di daerah Muar, negeri Johor*. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 4, 58-76.
- Azizah Asar & Halizah Awang. (2018). Penggunaan kad jahit bagi meningkatkan kemahiran jahitan asas. Online Journal For TVET Practitioners.
- Halimah Abdul Majid, Eow, Y.L. & Chuah, B.E. (2017). Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkasakan sekolah. Jurnal MPSM.
- Kama Shaffeei. (2019). Pembangunan instrumen saringan kemahiran vokasional murid berkeperluan khas masalah pembelajaran bagi persediaan Sijil Kemahiran Malaysia. Internasional Conference On Social Sciences And Technology For Postgraduates And Researchers.
- Mohd Ghadafi, Noor Farris Aqmal & Nur Asikin. (2021). Mengenalpasti kekangan dan faedah aktiviti sosial di peringkat komuniti dalam kalangan pelajar Politeknik METR0 Johor Bahru. Conference: 3rd National Conference in Sports & Co-Curriculum @PMJB (NASCO).
- Norhafzan Jaafar. (2018, Januari 21). Jahitan kreatif tingkatkan potensi usahawan Wanita. Berita Harian.

Norulaini Mohd Ramly., & Nazlina Shaari. (2019). *Senario penghasilan pola pakaian di Malaysia bagi program fesyen TVET*. KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, 7, 31-40.

Norfarahzatul Asikin., Mohamad Zuber., & Muhammad Hussin. (2022). *Keciciran murid sekolah di Malaysia: suatu pemerhatian awal*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 7(2).

Rahimah., Mur Fatehah., Suhaida., Syahidatul Khafizah., & Arasinah Kamis. (2021). *The implementation of vocational skills in teaching and learning of people with disabilities in the Community-Based Rehabilitation Center (CBRC): a review from ecological environments perspective*. Universal Journal of Educational Research 9(11): 1877-1885.

Siti Rubiyani., Noradilah Abdul Wahab., Mohd Shahril Othman., Abdullah Yusof., & Raihan Mohd Arifin. (2020). *Kompetensi guru pendidikan khas terhadap murid bermasalah pembelajaran: Kajian literatur*.

Siti Azira Jose., & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Tinjauan literatur bersistematisik: Faktor burnout dalam kalangan guru. Jurnal Pengajian Islam, 15(1): 259-271.

Sh. Noorhidayah., Khairul Anwar., & Hasnan Kasan. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahliz.